

Newspaper	Berita Harian
Date	20/05/2013

BH

20 MEI 2013 © ISNIN

PELANCARAN KELAB YAYASAN KEAMANAN GLOBAL PERDANA

Dr Mahathir serah sumbangan RM360,000

BH - 20/5/2013

» *Tangani masalah bekalan air bersih, kelengkapan perubatan di wilayah konflik*

Daripada Syed Azwan Syed Ali
syedazwan@mediaprima.com.my

► **Kaherah**

Tun Dr Mahathir Mohamad menyampaikan sumbangan AS\$120,000 (RM360,000) kepada penduduk Palestin di Gaza sempena pelancaran Kelab Yayasan Keamanan Global Perdana (PGPF) Chapter Mesir dan Gaza, semalam.

Sumbangan itu merangkumi AS\$60,000 (RM180,000) bagi membina loji penyahgaraman Alrewaa di Gaza untuk menangani masalah bekalan air bersih di wilayah konflik itu, manakala bakinya membeli kelengkapan perubatan di Hospital Jenin.

Dr Mahathir yang juga Presiden PGPF menyampaikan sumbangan itu kepada Pengerusi Badan-Badan Kebajikan Palestin, Dr Omer Abdullah Shallah, pada majlis di Fairmont Heliopolis and Towers Hotel di sini, pada jam 4.30 petang waktu Malaysia.

Beliau yang ditemani isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali

turut melancarkan Kelab PGPF Mesir dan Gaza, masing-masing akan diketuai aktivis pro-Palestin, Mohd Nasuha Ismail dan Dr Omer dari Gaza.

Majlis pelancaran yang dihadiri lebih 200 hadirin itu turut disaksikan Duta Besar Malaysia ke Mesir, Datuk Dr Mohd Fakhruddin Abdul Mukhti; Ketua Komunikasi PGPF, Muhammad Najieb Mohd Mokhtar; Setiausaha Agung Kelab PGPF, Muhammad Razillah Abdullah; dan timbalannya, Zaihal Hazri Abdul Halim.

Kelab PGPF Mesir dan Gaza yang bertujuan mempromosikan aktiviti PGPF, terutama di kalangan generasi muda, dilancarkan selepas penubuhan Kelab PGPF Chapter Australia, bulan lalu.

Promosi keamanan

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, pelancaran kelab itu bagi memperkasakan usaha PGPF selaku badan bukan kerajaan yang mempromosikan keamanan sejagat dan antiperang.

Katanya, komuniti dunia, khususnya golongan muda perlu diterapkan dengan mesej menolak peperangan sebagai jalan menyelesaikan



Dr Mahathir (dua dari kanan) **menyampaikan replika cek RM180,000** bagi membina loji rawatan air Alrewaa di Gaza kepada Dr Omer pada majlis pelancaran Kelab PGPF Chapter Mesir dan Gaza di Fairmont Heliopolis & Towers Hotel, Kaherah semalam.

“**Perang adalah jenayah. Perang bukan jalan untuk menyelesaikan konflik**”

Tun Dr Mahathir Mohamad
Presiden PGPF

konflik antara dua negara.

“Perang adalah jenayah. Perang bukan jalan menyelesaikan konflik,” katanya dalam rangka lawatan dua hari ke Mesir, berakhir semalam.

Dr Mahathir juga meminta semua pihak menyokong idea menolak peperangan kerana ia tidak melambangkan masyarakat bertamadun.